

23/02/2004

Perbankan Islam disaran perkenal produk baru

PUTRAJAYA: Sistem perbankan Islam tempatan perlu memperkenalkan produk baru bagi memenuhi keperluan moden yang lebih canggih serta berdaya saing dengan sistem kewangan konvensional.

Tokoh Maal Hijrah 1425 Hijrah, Datuk Dr Abdul Halim Ismail, berkata cabaran masa depan yang lebih hebat dengan khidmat moden dan persaingan antara bank perdagangan menuntut sektor perbankan Islam terus berinovasi.

Dr Abdul Halim yang juga pengasas penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada 1983, berkata sistem perbankan Islam yang mula diperkenalkan di Malaysia kira-kira 20 tahun lalu kini sudah diterima ramai dan mula menunjukkan potensi positif.

"Dulu ada yang salah faham mengenai sistem perbankan Islam, malah ramai yang mengaitkannya dengan amalan sedekah dan amal jariah tetapi kini pandangan itu sudah berubah," katanya pada sidang media selepas majlis penganugerahan Tokoh Maal Hijrah 1425 Hijrah di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini, semalam.

Dr Abdul Halim berkata, pengguna mulai sedar sistem perbankan Islam adalah suatu bentuk perniagaan serta tidak lagi cenderung mengharap pulangan besar dan kos pinjaman rendah setiap kali berurusan.

"Sehubungan itu, institusi kewangan yang menawarkan sistem perbankan Islam perlu memperkenalkan produk sofistikated kerana dilihat banyak negara lain turut berusaha memperkenalkan sistem kewangan yang sama," katanya.

Dr Abdul Halim yang kini Pengarah Urusan BIMB Securities Sdn Bhd, berkata sokongan kerajaan serta kesediaan ulama berkongsi pandangan mazhab lain terhadap sistem perbankan Islam membolehkan kaedah kewangan itu dibangunkan di negara ini dalam tempoh singkat.

"Ketika laporan terhadap cadangan penubuhan Bank Islam dikemukakan kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1983, beliau terus menerima laporan itu dan mahu cadangan dilaksanakan.

"Ulama pula tidak terikat dengan suatu pandangan, sebaliknya sedia menerima pandangan dari mazhab lain membolehkan sistem kewangan dan perbankan Islam diperkenalkan segera," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Abdul Halim berkata, umat Islam perlu 'berhijrah' menggunakan sistem perbankan dan kewangan Islam dalam semua bentuk urusan bank dan kewangan.

"Bagi mencapai kesucian aqidah dan keredhaan di dunia dan akhirat, umat Islam diseru berhijrah menggunakan sistem perbankan dan kewangan Islam," katanya.

Beliau berkata, pelanggan bukan Islam di Malaysia dan negara asing sudah mula memberi dan terbabit dalam sistem perbankan dan kewangan Islam.

"Di Malaysia, pembabitan bukan Islam dapat dilihat di semua peringkat, sama ada runcit dan korporat.

"Pada peringkat korporat, ada syarikat bukan Melayu dan syarikat asing yang menggunakan kemudahan dan instrumen kewangan Islam," katanya.

Di sektor perbankan dan takaful tempatan, dua bank perdagangan Islam menawarkan sistem kewangan dan perbankan Islam kepada pelanggan, selain antara 40 institusi hingga 50 institusi perbankan konvensional yang menyediakan pelbagai khidmat dan produk perbankan Islam.

Manakala empat syarikat takaful menyediakan pelbagai jenis khidmat takaful kepada pelanggan tempatan.